

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

AKU 402: Percukaian

Tarikh: 12 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab SEMUA soalan.

Soalan 1

HATA BHD. merupakan sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan perindustrian Pantai sejak tahun 1980. Tahun perakaunan HATA BHD. berakhir pada 31hb Disember setiap tahun.

Pada tahun 1983 HATA BHD. membeli sebidang tanah untuk membina sebuah kilang. Perbelanjaan yang dibelanjakan adalah seperti berikut:

Februari 1983:	Kos tanah	\$400,000
	: Kos sampingan-berkaitan dengan tanah	\$ 5,000
April 1983	: Yuran arkitek	\$ 20,000
Mei 1983	: Kos merobohkan lima buah rumah kediaman yang terletak di tapak pembinaan	\$ 30,000
Julai 1983	: Kos pembinaan struktur bangunan	\$800,000
	: Kos sampingan-berkaitan dengan struktur bangunan	\$ 10,000
April 1984	: Kos memasang dawai letrik dan saluran air untuk struktur bangunan	\$ 40,000

Struktur bangunan siap dibina dan kemudian digunakan pada bulan Ogos 1984.

...2/-

[AKU 402]

Luasan kawasan struktur bangunan yang dibina ini adalah 50,000 kaki persegi, dan cara kegunaannya adalah seperti berikut:

sebagai ruang kilang	40,000 kaki persegi
sebagai ruang pejabat	4,000 kaki persegi
sebagai ruang gudang	6,000 kaki persegi

Struktur bangunan ini telah dijual pada bulan November 1987 kepada Tasek Utara Bhd. dengan harga seperti berikut:

Harga tanah	\$ 500,000
Harga struktur bangunan	\$1,300,000

Tempoh perakaunan Tasek Utara Bhd. berakhir pada 30hb September setiap tahun. Tasek Utara Bhd. juga menggunakan struktur bangunan ini dengan cara yang serupa dengan HATA BHD.

Dikehendaki

- (a) Bagi setiap tahun taksiran yang berkenaan tentukan elaun bangunan perindustrian untuk HATA BHD.
- (b) Bagi setiap tahun taksiran sehingga tahun taksiran 1990, tentukan elaun bangunan perindustrian untuk Tasek Utara Bhd.

(15 markah)

Soalan 2

Encik Mat Karno merupakan seorang rakyat Indonesia yang bermastautin di Malaysia. Beliau datang ke Malaysia pada tahun 1980. Pada 1/3/1980, Encik Mat Karno mula bekerja sebagai Pengurus Pemasaran dengan Mal-Indo Bhd. di Kuala Lumpur.

Oleh sebab-sebab tertentu (bukan sebab-sebab keuzuran) pekerjaan Encik Mat Karno telah pun ditamatkan pada 31/12/1987.

Berikut adalah pendapatan serta perkara-perkara yang berkaitan dengan penggajian beliau bagi tahun 1987:

Gaji	\$3,000	sebulan
Elaun Khas	\$ 800	sebulan
Elaun Keraian	\$ 500	sebulan
Bonos	\$8,000	(untuk tahun 1987)

...3/-

Pada sepanjang tahun 1987, sebagai Pengurus Pemasaran Encik Mat Karno telah pun disediakan dengan sebuah Proton Saga oleh majikan beliau. Mal-Indo Bhd. menanggung segala belanja penyelenggaraan kereta ini, seperti berikut:

Petrol	\$3,500
Pembaikan	\$ 700
Cukai jalan & insuran kereta	\$ 800

Encik Mat Karno juga disediakan dengan sebuah rumah kediaman yang berkelengkapan sejak tahun 1985 sehingga 30/11/1987. Sewa yang dibayar oleh Mal-Indo Bhd. adalah \$700 sebulan (termasuk \$100 untuk perabot).

Pada sepanjang bulan Disember 1987 beliau ditempatkan di sebuah hotel. Belanja penginapan di hotel ini terdiri dari belanja sewa bilik \$3,000 dan belanja makanan \$2,000, semuanya dibayar oleh Mal-Indo Bhd.

Pada tahun 1987, bil perubatan Encik Mat Karno yang berjumlah \$2,500 juga dibayar oleh Mal-Indo Bhd.

Pada tahun 1987, Encik Karno pulang ke Indonesia sebanyak dua kali untuk bercuti, iaitu dari 10/2/1987 hingga 28/2/1987 dan kemudian dari 1/8/1987 hingga 31/8/1987. Belanja perjalanan cuti ini telah dibayar oleh Mal-Indo Bhd. seperti berikut:

untuk cuti bulan Februari	\$1,500
untuk cuti bulan Ogos	\$2,000

Apabila pekerjaan Encik Mat Karno ditamatkan pada 31/12/1987 beliau dibayar gratuity sebanyak \$28,200 dan juga pampasan kehilangan kerja sebanyak \$35,000.

Pada 15/12/1987 Encik Mat Karno mengeluarkan sejumlah wang dari Tabung Pencen Mal-Indo Bhd. (tabung yang tidak diluluskan). Jumlah yang dikeluarkan adalah terdiri dari:

Caruman Encik Mat Karno	\$ 40,000
Caruman Mal-Indo Bhd.	\$ 60,000
Faedah (diperolehi dari 1980 hingga 1986)	\$ 10,000
Faedah (diperolehi pada tahun 1987)	\$ 2,000

Jumlah	\$112,000
	=====

...4/-

[AKU 402]

Maklumat-Maklumat Tambahan

- (a) Encik Mat Karno mengemukakan bil-bil yang dapat membuktikan bahawa pada tahun 1987 beliau telah belanja sebanyak \$4,000 untuk meraikan pelanggan-pelanggan Mal-Indo Bhd.
- (b) Encik Mat Karno dikehendaki membayar \$100 sebulan kepada Mal-Indo Bhd. untuk kemudahan penginapan yang disediakan. (dari Januari hingga Disember 1987).
- (c) Ianya telah dianggarkan dan dipersetujui bahawa 40% dari kemudahan kenderaan (Proton Saga) adalah untuk menjalankan tugas rasmi.
- (d) Pada masa Encik Mat Karno bercuti di Indonesia pada bulan Ogos 1987, gaji bagi bulan Ogos 1987 telah pun dibayar kepada beliau di Indonesia. Semua gaji bulan Ogos ini habis dibelanjakan di Indonesia.
- (e) Encik mat Karno dilahirkan pada tahun 1930.

Dikehendaki

Bagi tahun taksiran 1988, tentukan pendapatan kasar serta pendapatan berkanun yang diperolehi oleh Encik Mat Karno dari punca penggajian di Malaysia.

(25 markah)

Soalan 3

Encik Sim Seng merupakan seorang rakyat Singapura yang bermastautin di Malaysia pada tahun 1986, tetapi tidak bermastautin di Malaysia pada tahun 1987.

Berikut adalah pendapatan yang diperolehi oleh Encik Sim Seng pada tahun 1986 dan 1987.

	<u>1986</u>	<u>1987</u>
(a) Royalti: hasil terjemahan sesuatu untuk Jabatan Peguam Negara, Malaysia. (dibayar di Kuala Lumpur.)	\$5,000	\$4,000

...5/-

[AKU 402]

	<u>1986</u>	<u>1987</u>
(b) Royalti: dibayar oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dari hasil jualan buku karangan Encik Sim Seng. (Dibayar di Singapura dan tidak dikirim ke Malaysia).	\$8,000	\$10,000
(c) Dividen: dibayar oleh STC Ltd., sebuah syarikat yang tidak bermastautin di Malaysia. Tiada tolakan dibuat di bawah seksyen 108 ACP. (semua diterima di Malaysia).	\$9,000	\$12,000
(d) Dividen: dibayar oleh JUTA Bhd., sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia. Tolakan telah dibuat di bawah seksyen 108 ACP. (semua diterima di Singapura dan tidak dikirim ke Malaysia)	\$6,000	\$15,000
(e) Dividen: dibayar oleh KEN Ltd., sebuah syarikat yang tidak bermastautin di Malaysia pada tahun 1986, tetapi bermastautin pada tahun 1987, sebab pengurusan dan kawalannya hanya mula dijalankan di Malaysia pada April 1987.		

Dividen dibayar pada:

Ogos 1987	\$3,000	-
Februari 1987	-	\$4,500
Julai 1987	-	\$2,400

Semua dividen dari KEN Ltd. diterima di Malaysia Tiada tolakan dibuat di bawah seksyen 108 ACP.

...6/-

[AKU 402]

(f) Encik Sim Seng juga membuka akaun-akaun di Bank Islam Malaysia. Semua keuntungan dari akaun-akaun ini dibayar di Johor Bahru.

Maklumat terhadap akaun-akaun ini adalah seperti berikut:

(i) Akaun Simpanan:

Jumlah disimpan = \$10,000
Kadar keuntungan = 6% setahun
Tempoh simpanan = dari 1/10/1986 hingga 30/6/1988

(ii) Akaun Pelaburan:

Jumlah disimpan = \$5,000
Kadar keuntungan = 9% s.t.
Tempoh simpanan = dari 1/7/1986 hingga 30/9/1987

Dikehendaki

Bagi setiap tahun taksiran yang berkenaan, tentukan pendapatan Encik Sim Seng yang boleh dikenakan cukai pendapatan di Malaysia.

Nyatakan jenis-jenis pendapatan serta jumlahnya (sekiranya ada) yang tidak boleh dikenakan cukai pendapatan di Malaysia, atau pun dapat dikecualikan dari cukai pendapatan di Malaysia.

(15 markah)

...7/-

Soalan 4

Pusat Pustaka Rama yang terletak di Pulau Pinang adalah sebuah kedai jualan buku-buku yang dimiliki oleh pemilik tunggal, Encik Radin Majid.

Berikut adalah penyata pendapatan Pusat Pustaka Rama:

Penyata Pendapatan
Bagi Tahun Yang Berakhir Pada 31hb Disember 1987

Jualan		\$1,000,000
Tolak: Kos Jualan		550,000
Stok Permulaan	\$ 250,000	
Belian	700,000	

	950,000	
Tolak: Stok Akhir	400,000	

Kos Jualan	550,000	
	=====	
Untung kasar		450,000
Campur: Keuntungan Jualan Aset Tetap (a)		6,000
Hasil Dividen (b)		3,000
Hutang Lapuk Dipulih Semula (c)		2,500

		461,500
Tolak: Gaji (d)	\$ 90,800	
Bonos (d)	8,500	
Caruman KWSP (d)	5,900	
Susutnilai (e)	20,000	
Faedah (f)	5,000	
Hutang Lapuk (g)	18,000	
Belanja Keraian (h)	30,000	
Belanja Ikhtisas (i)	7,000	
Belanja Yuran (i)	5,000	
Cukai (k)	8,000	
Derma (l)	17,000	
Belanja Sewa (m)	24,000	
Belanja Pembaikan (n)	20,000	
Belanja Penyelenggaraan(p)	200,000	

Untung Bersih		459,200

		2,300

...8/-

Nota-Nota Tambahan

- (a) Butir-butir terhadap untung jualan aset tetap:

Tarikh aset tetap ini dibeli:	bulan Mac 1980
Tarikh aset tetap ini dijual:	1hb Ogos 1987
Kos asal:	\$20,000
Jumlah susutnilai terkumpul (pada 1hb Ogos 1987)	\$12,000
Baki perbelanjaan (pada 1hb Januari 1987)	\$ 4,000

- (b) Hasil dividen (bersih) adalah dari sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia.

- (c) Hutang lapuk dipulih semula adalah terdiri dari:

(i) \$1,500 hutang lapuk dihapuskan pada tahun 1986 dan telah dibenarkan sebagai tolakan pada tahun tersebut.

(ii) \$1,000 hutang lapuk dihapuskan pada tahun 1984 tetapi tidak dibenarkan sebagai tolakan pada tahun tersebut.

- (d) Gaji, bonos dan caruman kepada KWSP

	<u>Gaji</u>	<u>Bonos</u>	<u>KWSP</u>
Encik Radin Majid	\$44,000	-	-
Junaida (pekerja)	18,000	\$3,500	\$1,900
Beng Lee (pekerja)	12,000	1,500	1,900
Menon (pekerja)	12,000	2,500	1,500
Kumala (pekerja)	4,800	1,000	600
	-----	-----	-----
	90,800	8,500	5,900
	=====	=====	=====

- (e) Susutnilai adalah terhadap aset-aset tetap Pusat Pustaka Rama. Elaun modal yang telah ditentukan bagi aset-aset tetap adalah \$12,000 bagi tahun 1987.

- (f) Faedah atas pinjaman yang dipinjam dari sebuah bank di Brunei. Bank ini tidak bermastautin di Malaysia. Jumlah faedah (\$5,000 telah dibayar kepada Bank ini tanpa mengikat 20% seperti yang diwajibkan di bawah seksyen 109 ACP.

...9/-

(g) Hutang lapuk:

Akaun Peruntukan Hutang Lapuk

Hutang dihapuskan	\$15,000	Baki (pada 1/1/1987):	
Baki (pada 31/12/1987):		peruntukan am	\$ 9,000
peruntukan am	\$10,000	peruntukan tertentu	14,000
peruntukan tertentu	16,000	Ak. Untung Rugi	18,000
	-----		-----
	\$41,000		\$41,000
	=====		=====

Perhatian: hutang lapuk dipulihkan semula (lihat nota "c") belum diperakaunkan dalam Akaun Peruntukan Hutang Lapuk ini.

(h) Belanja Keraian:

untuk meraikan pelanggan-pelanggan yang sedia ada \$20,000
untuk meraikan bakal-bakal pelanggan \$10,000

(i) Belanja Ikhtisas:

Belanja yuran guaman terhadap kutipan hutang niaga \$ 2,000
Belanja yuran untuk perunding cukai pendapatan \$ 5,000

(j) Belanja Yuran:

Bayaran yuran kepada Persatuan Penjual-Penjual Buku \$ 2,000
Bayaran yuran kepada Kelab Golf Pulau Pinang \$ 3,000

(k) Cukai pendapatan Encik Radin Majid:

bagi tahun 1986 \$3,000
bagi tahun 1987 \$5,000

(l) Derma:

kepada persatuan yang diluluskan \$10,000
kepada persatuan yang tidak diluluskan \$ 7,000

(m) Belanja sewa adalah terhadap rumah kedai dua tingkat untuk Pusat Pustaka Rama. Tingkat atas rumah kedai ini (keluasan ruangnya adalah 40%) telah pun digunakan oleh Encik Radin Majid dan keluarganya sebagai tempat kediaman.

...10/-

[AKU 402]

(n) Belanja pembaikan:

membaiki perabot kedai	\$ 5,000
membina tempat letak kereta van (van ini adalah untuk kegunaan perniagaan)	\$15,000

(p) Semua belanja penyelenggaraan adalah untuk perniagaan, maka semuanya dibenarkan sebagai tolakan.

(q) Pada sepanjang tahun 1987, Encik Radin Majid telah mengambil buku-buku dari Pusat Pustaka Rama untuk kegunaan anak-anak beliau. Kos buku-buku ini adalah \$1,200 manakala harga jualannya adalah \$1,600.

Dikehendaki

Bagi tahun taksiran 1988, tentukan pendapatan kasar, pendapatan (kerugian) larasan serta pendapatan berkanun yang diperolehi oleh Encik Radin Majid dari punca perniagaan beliau.

(33 markah)

Soalan 5

Perhatian: Bagi soalan 5 ini, jawab SATU (1) bahagian sahaja.

- (a) Huraikan syarat-syarat di mana pendapatan faedah dapat dianggap sebagai pendapatan yang diperolehi dari Malaysia.
- (b) Huraikan keadaan-keadaan di mana pendapatan seorang isteri boleh ditaksirkan secara berasingan.
- (c) Huraikan syarat-syarat di mana seorang individu boleh dianggap bermastautin di Malaysia.

(12 markah)

- oooOooo -